

RM12.8 bilion wang tidak dituntut milik awam

Oleh **Suzalina Halid** - November 13, 2024 @ 10:38pm
suzalina@bh.com.my



Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan pada Persidangan Dewan Rakyat sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-15 di Bangunan Parlimen hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Sejumlah RM12.8 bilion direkodkan sebagai Wang Tidak Dituntut (WTD) milik awam sehingga Oktober lalu.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata jumlah itu adalah baki daripada RM17 bilion nilai keseluruhan WTD yang diserahkan syarikat dan firma.

"Sehingga tempoh 31 Oktober lalu, jumlah keseluruhan WTD yang diserahkan oleh syarikat dan firma adalah berjumlah RM17 billion.

"Jumlah bayaran balik WTD kepada empunya yang berhak adalah RM4.2 bilion menjadikan baki WTD sehingga 31 Oktober lalu berjumlah RM12.8 bilion," katanya pada sesi penggulungan Rang-Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2025, peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Kewangan di Dewan Rakyat, hari ini.

| DISYORKAN

- **Bintang BBNU curi perhatian di SFMM 39**
- **myBarber memudahkan tempahan khidmat penjagaan rambut**
- **4.1 peratus pelajar tercicir akibat tak berjaya tamat pengajian di IPTA tahun lalu - Zambry**
- **Untung bersih Prolintas Infra BT meningkat kepada RM12.09 juta**

Amir Hamzah berkata, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melaksanakan 184 reruai di seluruh negara bermula 2022 bagi meningkatkan kesedaran dan menggalakkan orang awam membuat tuntutan.

"Taklimat juga diadakan kepada syarikat dan firma, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi lain bagi memberi kesedaran berkenaan WTD.

"Sepanjang 2024, JANM sudah mengadakan sebanyak 108 taklimat," katanya.

Mengenai cadangan Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali, supaya kerajaan mempunyai perancangan melakukan pengesanan pemilik atau waris menggunakan data terkini di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) supaya wang itu dapat dikreditkan terus secara automatik ke dalam akaun mereka, Amir Hamzah berkata, pihaknya akan meneliti perkara terbabit.

"Saya mengambil maklum cadangan Yang Berhormat (YB) Pekan dan kami akan meneliti perkara ini," katanya.